



# Panduan dan Spesifikasi **PENULISAN TEKS SYARAHAN UMUM**

**(2016)**



PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

---

Dan

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA

## PANDUAN DAN SPESIFIKASI PENULISAN TEKS SYARAHAN UMUM

---

1. Teks syarahan hendaklah merupakan suatu hasil ilmiah asli yang berkualiti dan belum pernah diterbitkan sebelum ini. Teks ini juga harus memperlihatkan ketokohan dan kekuatan akademik Profesor berkenaan di samping berupaya menyalurkan dan menyebarkan tahap keilmuan yang dapat difahami dan dimanfaatkan oleh masyarakat.
2. Tajuk syarahan hendaklah sesuai dan menarik.
3. Teks pada umumnya hendaklah diterbitkan dalam Bahasa Malaysia. Sebarang maklumat lanjut berkaitan hal ini boleh dirujuk kepada Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (BHEAA), selaku urus setia Jawatankuasa Penyelarasan Siri Syarahan Umum.
4. Teks syarahan pada keseluruhannya mestilah kemas dan selaras dari segi gaya, sempurna dari segi bahasa, termasuk peristilahan dan ejaan. Isinya perlu jelas dan tepat, rujukannya adalah lengkap dengan setiap entri dalam senarai rujukan ini dirujuk dalam teks dan formatnya perlu teratur dan selaras.
5. Teks syarahan hendaklah disediakan menggunakan kertas berukuran A4 **berjarak ganda dua** (*double space*) dengan margin sekelilingnya (kiri, kanan, atas dan bawah) **1 inci** menggunakan **font Times New Roman, 12 point**.
6. Ketebalan maksimum teks syarahan hendaklah tidak melebihi **30 hingga 40 muka surat** (*diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Siri Syarahan Umum ke-86 yang telah diadakan pada 3/3/2016*), termasuklah **muka surat hadapan** (tajuk, biodata dan senarai jadual/rajah), **isi teks** (termasuk rajah/jadual) serta **muka surat belakang** (rujukan/bibliografi, lampiran dan istilah).
7. Sinopsis hendaklah tidak melebihi 2 muka surat menggunakan kertas berukuran A4 **berjarak ganda dua** (*double space*) dengan margin sekelilingnya (kiri, kanan, atas dan bawah) **1 inci** menggunakan **font Times New Roman, 12 point**.
8. Penulis hendaklah memastikan tajuk dan subtajuk di dalam teks dinomborkan dengan betul mengikut peringkatnya.
9. Semua rajah, jadual dan gambar hendaklah mempunyai isi yang dilabel, jelas dibaca, mempunyai tajuk yang lengkap, dinomborkan dengan betul berserta sumber rujukan sekiranya dipetik atau dimanfaatkan daripada sumber tertentu. Perkataan dan istilah dalam Bahasa Inggeris yang terdapat di dalam teks, jadual dan rah hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.
10. Rajah, jadual, gambar dan bahan-bahan ilustrasi lain hendaklah jelas, seeloknya menggunakan **resolusi 300 dpi**. Saiz hendaklah bersesuaian dengan ruang teks sebenar, iaitu **4.5 x 7.5 inci**.
11. Sekiranya penulis menyertakan gambar dalam format .jpeg atau .tiff, resolusinya hendaklah sekurang-kurangnya 300 dpi.

12. **Penulis hendaklah memberikan jaminan kepada Universiti bahawa teks syarahan yang diserahkan adalah sebuah karya asli dan belum pernah diterbitkan sebelum ini. Penulis adalah bertanggungjawab ke atas ketepatan fakta keseluruhan isi kandungan. Penulis juga mestilah memastikan bahawa tiada berlaku sebarang ciplakan atau pelanggaran mana-mana hak cipta dan tidak mengandungi apa-apa perkara yang sensitif, membawa fitnah dan menjatuhkan maruah. Penulis adalah bertanggungjawab mendapatkan kebenaran penerbit asal atas sebarang penggunaan bahan ilustrasi, sekiranya perlu. Sila sertakan surat kebenaran yang diperolehi bersama-sama teks syarahan.**
13. Secara amnya, Penerbit USM menggunakan gaya *University of Chicago Press, The Chicago Manual of Style*, edisi ke-15. Gaya yang digunakan oleh penulis perlulah selaras dengan gaya ini. Walau bagaimanapun, penulis boleh menggunakan gaya daripada disiplin masing-masing dengan memastikan penggunaan gaya tersebut adalah selaras dengan keseluruhan teks (seperti ejaan, penggunaan singkatan nama, penggunaan huruf besar, nombor, unit, rujukan dalam teks, senarai rujukan/bibliografi dan lain-lain).
14. Dokumen yang lengkap (teks, gambar, biodata, sinopsis dan Senarai Semak Penyerahan Teks - Lampiran A) perlulah diserahkan kepada Penolong Pendaftar BHEAA dalam bentuk *hardcopy* (2 set) dan *softcopy* dalam tempoh **4 bulan sebelum** tarikh syarahan atau **6 bulan selepas** tarikh syarahan. Selepas tempoh 6 bulan, pihak Universiti tidak akan menanggung sebarang kos percetakan (*diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Siri Syarahan Umum ke-86 yang telah diadakan pada 3/3/2016*).
15. Penulis akan diminta untuk menyemak teks pada peringkat pruf galei (senarai queries) selepas proses suntingan dilakukan. Sebarang penambahan bahan dan perubahan besar tidak dibenarkan pada peringkat ini.
16. Kos percetakan yang ditanggung oleh BHEAA adalah sebanyak RM1,000.00 atau 100 naskah (*diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Siri Syarahan Umum ke-86 yang telah diadakan pada 3/3/2016*). Jika kos percetakan melebihi peruntukan ini, penulis atau PTJ perlu menanggung baki kos tersebut.
17. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Siri Syarahan Umum ke-86 juga telah menetapkan bahawa daripada jumlah percetakan 100 naskah yang diperuntukkan, sebanyak 50 naskah akan diagihkan kepada Penerbit USM dan Perpustakaan, 30 naskah untuk edaran kepada PTJ dan 20 naskah lagi akan diedarkan kepada penulis. Sebarang tambahan bagi 20 naskah ini perlu ditanggung oleh penulis atau PTJ.

# Spesifikasi Format Syarahan Umum Pelantikan Profesor (Penulis)

---

Ketebalan maksimum teks syarahan hendaklah disediakan tidak melebihi 45 muka surat ganda dua dan perlu disediakan dalam bentuk seperti berikut:

## A. SETUP MUKA SURAT

### 1. Margin

|         |      |
|---------|------|
| Top:    | 1 in |
| Bottom: | 1 in |
| Left:   | 1 in |
| Right:  | 1 in |

|            |                 |
|------------|-----------------|
| From edge: | Header = 0 in   |
|            | Footer = 0.5 in |

### 2. Paper size: A4 (portrait)

## B. FORMAT

|                  |                                      |
|------------------|--------------------------------------|
| Fon untuk tajuk: | Times New Roman                      |
| Fon untuk teks:  | Times New Roman/12 pt/normal/justify |
| Teks spacing:    | Double spacing                       |

### PERINGKAT TAJUK

#### a. tajuk utama: Times New Roman/13 pt/Capitalize/bold/center

Contoh:

## **TEKNOLOGI MEMBRAN**

#### b. tajuk peringkat pertama: Times New Roman/12 pt/Capitalize/bold/flush left

Contoh:

### **1 TAKRIF RISIKO DAN KETIDAKPASTIAN**

#### c. tajuk peringkat kedua: Times New Roman/12 pt/Title Case/bold/flush left

Contoh:

#### **1.1 Risiko dan Ketidakpastian**

#### d. tajuk peringkat ketiga: Times New Roman/12 pt/Sentence case/bold/italic/flush left

Contoh:

##### ***1.1.1 Risiko dan ketidakpastian***

#### e. tajuk peringkat keempat: Times New Roman/12 pt/Sentence case/italic/flush left/run on

Contoh:

*1.1.1.1 Risiko yang boleh diterima dan yang tidak boleh diterima. Risiko yang boleh diterima adalah risiko yang masih boleh ditanggung jika ia berlaku dan tidak menyebabkan*

projek perlu dihentikan. Contohnya, sesuatu berlaku dan memberi kesan kepada tugas tetapi tidak mengganggu projek.

e. **SUPERSCRIPTS/SUBSCRIPTS**

Size: 7/9 pt

Position of Superscripts/subscripts - Character spacing: (raised/lowered) by 3 pt

Here,  $U$  is the net nontidal velocity,  $E$  is the tidal dispersion coefficient,  $K_d$  is the decay coefficient taken as  $10.3Q^{-0.49}$ .

**C. MUKA SURAT KANDUNGAN**

Fon untuk tajuk: Times New Roman/13pt/bold/Capitalize/center } sekiranya perlu  
Fon untuk entri: Times New Roman/12pt/Title Case/Flush left }

**D. JADUAL**

Fon untuk jadual Times New Roman  
Tajuk jadual: 11 pt/Capitalize/Flush left/di atas jadual  
Entri dalam jadual: 10 pt/Sentence case  
Tidak perlu garis kiri dan kanan jadual  
Sumber jadual: 9 pt/Sentence case/di bawah jadual  
(perkataan *Sumber*: italik)

Contoh:

**Jadual 1** Beberapa metabolit sekunder daripada tumbuhan


| <b>Metabolit</b>           | <b>Kegunaan</b> | <b>Spesies tumbuhan</b>   |
|----------------------------|-----------------|---|
| Sederin                    | Penghindar      | <i>Juniperus</i>  |
| Nikotin                    | Racun serangga  | <i>virginiana</i>   |
| Piperin                    | Racun serangga  | <i>Nicotiana</i>  |
| Berbagai-bagai<br>piretoid | putih           | <i>tabacum</i><br><i>Piper nigrum</i><br><i>Chrysanthemum</i><br>spp. |

*Sumber*: Diubah suai daripada buku *Plant Cell Biotechnology* (1994).

**E. RAJAH**

Fon untuk rajah Times New Roman  
Tajuk rajah: 11 pt/Sentence case/di bawah rajah  
Kapsyen dalam rajah: 10 pt/Sentence case  
Sumber rajah: 9 pt/Sentence case/di bawah tajuk rajah

Contoh:



**Rajah 14** Model pengisian ruang: (a) PIP-TMC poliamida, (b) BA-TMC poliamida, dan tiub model bagi (c) PIP-TMC poliamida dan (d) BA-TMC poliamida

*Sumber:* Ahmad et al. (2003a)

## F. RUJUKAN/BIBLIOGRAFI

Tajuk: Times New Roman/13pt/Centralise/Uppercase/bold

Entri rujukan: Times New Roman/11 pt/not justified/tidak dinomborkan, susun mengikut abjad/baris kedua dan seterusnya santak ke dalam ½"

*Nota:* Sila rujuk kepada *The Chicago Manual of Style*, ed. ke-15.

### Buku

1. Seorang penulis  
*Sistem Author-Date: Rujukan*  
Doniger, Wendy. 1999. *Splitting the difference*. Chicago: University of Chicago Press.  
*Bibliografi*  
Doniger, Wendy. *Splitting the Difference*. Chicago: University of Chicago Press, 1999.
2. Dua orang penulis  
*Sistem Author-Date: Rujukan*  
Cowlshaw, Guy, dan Robin Dunbar. 2000. *Primate conservation biology*. Chicago: University of Chicago Press.  
*Bibliografi*  
Colishaw, Guy dan Robin Dunbar. *Primate Conservation Biology*. Chicago: University of Chicago Press, 2000.
3. Empat orang penulis atau lebih  
*Sistem Author-Date: Rujukan*

Laumann, Edward O., John H. Gagnon, Robert T. Michael, dan Stuart Michaels. 1994. *The social organization of sexuality: Sexual practices in the United States*. Chicago: University of Chicago Press.

*Bibliografi*

Laumann, Edward O., John H. Gagnon, Robert T. Michael, dan Stuart Michaels. *The Social Organization of Sexuality: Sexual Practices in the United States*. Chicago: University of Chicago Press, 1994.

Dalam teks: (Laumann et al. 1994, 262)

4. Editor(ed.), penterjemah (penterj.) atau penyusun (peny.)

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Soltes, Ori Z., ed. 1999. *Georgia: Art and civilization through the ages*. London: Philip Wilson.

*Bibliografi*

Soltes, Ori Z., ed. *Georgia: Art and Civilization through the Ages*. London: Philip Wilson, 1999.

5. Bab atau bahagian lain di dalam buku

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Phibbs, Brendan. 1987. Herrlisheim: Diary of a battle. Di dalam *The other side of time: A combat surgeon in World War 111*, 117-63. Boston: Little Brown.

*Bibliografi*

Phibbs, Brendan. "Herrlisheim: Diary of a Battle." Di dalam *The Other Side of Time: A Combat Surgeon in World War 111*, 117-63. Boston: Little Brown.

### **Jurnal**

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Smith, John Maynard. 1998. The origin of altruism. *Nature* 393: 639–40.

*Bibliografi*

Smith, John Maynard. "The Origin of Altruism." *Nature* 393 (1998): 639–40.

### **Majalah**

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Martin, Steve. 2002. Sports-interview shocker. *New Yorker*, 6 Mei.

*Bibliografi*

Martin, Steve. "Sport-Interview Shocker." *New Yorker*, 6 Mei 2002.

### **Surat Khabar**

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Nieder Korn, William S. 2002. A scholar recants on his "Shakespeare" discovery. *New York Times*, 20 Jun, Arts section, Midwest edition.

*Bibliografi*

Nieder Korn, William S. "A Scholar Recants on His 'Shakespeare' Discovery." *New York Times*, 20 Jun 2002, Arts section, Midwest edition.

### **Tesis/Disertasi**

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Yap, A.W. 1995. Penghasilan biomasa dan artemisinin daripada kalus *Artemisia annua* yang dikultur di dalam beg kultur polimer fluorocarbon. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

*Bibliografi*

Yap, A.W. "Penghasilan Biomasa dan Artemisinin daripada Kalus *Artemisia annua* yang Dikultur di dalam Beg Kultur Polimer Fluorocarbon." Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia, 1995.

## **Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar/Bengkel/Simposium**

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Hassan Mat Leh. 1987. Aliran salaf khalaf: Suatu perbandingan dari segi kaedah dan konsep-konsep utama. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Pemikiran Islam, 19–22 Jun, di Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*Bibliografi*

Hassan Mat Leh. “Aliran Salaf Khalaf: Suatu Perbandingan dari segi Kaedah dan Konsep-Konsep Utama.” Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Pemikiran Islam, di Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 19–22 Jun 1987.

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Ly Vuthy, Yin Dara dan Degen, P. 1999. The management of the freshwater capture fisheries in Cambodia: Legal principles and field implementation. Kertas kerja yang dibentangkan pada 2nd Mekong River Commission Fisheries Program Technical Symposium, 13–14 Disember, Phnom Penh.

*Bibliografi*

Ly Vuthy, Yin Dara dan Degen, P. “The Management of the Freshwater Capture Fisheries in Cambodia: Legal Principles and Field Implementation.” Kertas kerja yang dibentangkan pada 2nd Mekong River Commission Fisheries Program Technical Symposium, Phnom Penh, 13–14 Disember 1999.

## **Sumber elektronik**

### 1. Buku

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Kurland, Philip B., dan Ralph Lerner, ed. 1987. *The founders' Constitution*. Chicago: University of Chicago Press. <http://press-pubs.uchicago.edu/founders/> (dicapai pada 20 Jun 2005).

*Bibliografi*

Kurland, Philip B., dan Ralph Lerner, ed. *The Founders' Constitution*. Chicago: University of Chicago Press, 1987. <http://press-pubs.uchicago.edu/founders/> (dicapai pada 20 Jun 2005).

### 2. Jurnal

*Sistem Author-Date: Rujukan*

Hlatky, Mark A., Derek Boothroyd, Eric Vittinghoff, Penny Sharp, dan Mary A. Whooley. 2002. Quality-of-life and depressive symptoms in postmenopausal women after receiving hormone therapy: Results from the Heart and Estrogen/Progestin Replacement Study (HERS) trial. *Journal of the American Medical Association* 287, no. 5 (6 Februari), <http://jama.ama-assn.org/issues/v287n5/rfull/joc10108.html#aainfo> (dicapai pada 7 Januari 2004).

*Bibliografi*

Hlatky, Mark A., Derek Boothroyd, Eric Vittinghoff, Penny Sharp, dan Mary A. Whooley. “Quality-of-Life and Depressive Symptoms in Postmenopausal Women after Receiving Hormone Therapy: Results from the Heart and Estrogen/Progestin Replacement Study (HERS) Trial.” *Journal of the American Medical Association* 287, no. 5 (6 Februari 2002), <http://jama.ama-assn.org/issues/v287n5/rfull/joc10108.html#aainfo> (dicapai pada 7 Januari 2004).

### 3. Laman web

*Sistem Author-Date: Rujukan*



Evanston Public Library Board of Trustees. Evanston Public Library strategic plan, 2000–2010: A decade of outreach. Evanston Public Library. <http://www.epl.org/library/strategic-plan-00.html> (dicapai pada 1 Jun 2005).

#### *Bibliografi*

Evanston Public Library Board of Trustees. “Evanston Public Library Strategic Plan, 2000–2010: A Decade of Outreach.” Evanston Public Library. <http://www.epl.org/library/strategic-plan-00.html> (dicapai pada 1 Jun 2005).

*Sumber:* Kebanyakan contoh dipetik daripada The University Chicago Press. "The Chicago Manual Style Online". <http://www.chicagomanualofstyle.org/home.html> (dicapai pada 10 Disember 2007).

### G. NOTA KAKI/NOTA HUJUNG

Nota kaki/nota hujung: 10 pt/justify

Contoh untuk nota kaki:

Para belia ini bersikap anti-Barat dan anti-Jepun, dan selepas 1945, memainkan peranan penting dalam politik tempatan,<sup>1</sup> sama ada menentang kedatangan semula Barat, seperti di Burma dan Indonesia atau terlibat dalam perebutan kuasa dalam politik domestik, seperti di Indonesia.

<sup>1</sup> Harry Benda dan John Bastin, *A History of Modern Southeast Asia* (Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, 1968), mm. 123-152.

Contoh untuk nota hujung:

1. Takao Fusayama, *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatra* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997); dan T. P. M. Lewis, *Changi, the Lost Years: A Malayan Diary 1941-45* (Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society, 1984).

### H. ISTILAH

|                                |  |
|--------------------------------|--|
| Tajuk:                         | Times New Roman/13pt/bold/Centralise/Uppercase               |
| Entri:                         | Times New Roman/11 pt/2 lajur (bahasa Malaysia dan Inggeris) |
| Bahasa Malaysia (tajuk):       | Times New Roman/11 pt/bold/Title case                        |
| Bahasa Inggeris (tajuk):       | Times New Roman/11 pt/bold/italics/Title case                |
| Entri untuk Bahasa Malaysia:   | normal   |
| Entri untuk Bahasa Inggeris:   | italics  |
| Selang satu baris antara abjad |  |

Contoh:

#### **ISTILAH**

##### **Bahasa Malaysia**

algoritma simpleks  
analisis input output

beralunan  
beza upaya

##### ***Bahasa Inggeris***

*simplex algorithm*  
*input-output analysis*

*oscillatory*  
*common difference*

}

sekiranya perlu

## CONTOH MUKA SURAT PERTAMA TEKS

### SYARAHAN UMUM

# **SISTEM SALIRAN BANDAR MAPAN Penyelesaian Banjir Kilat, Pencemaran Sungai dan Kekurangan Air untuk Kesejahteraan Sejagat**

*oleh*

PROFESOR NOR AZAZI ZAKARIA

Pada 5 Disember 2007, jam 9:30 pagi  
di Auditorium, Kampus Kejuruteraan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Butir-butir  
yang perlu  
disediakan  
oleh penulis

## **1 PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang**

Malaysia mempunyai aspirasi untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Akibatnya, peningkatan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan perbandaran serta kawasan industri yang pesat di kebanyakan tempat di seluruh negara akan berlaku. Pertumbuhan dan pembangunan ini bukan sahaja mendatangkan keuntungan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia, malahan juga kesan yang buruk terhadap alam sekitar dengan peningkatan kejadian banjir kilat, penurunan kualiti air, penyingkiran tumbuhan riparian dan kepupusan habitat hidupan air yang membawa kepada kemerosotan persekitaran sungai, tasik dan pantai.

### **2.1 Amalan Pengurusan Terbaik**

#### **2.1.1 Pengenalan**

Dengan pelaksanaan MSMA, projek pembangunan baru dikehendaki memenuhi kriteria bahawa aliran puncak selepas pembangunan hendaklah sama atau kurang daripada tahap aliran sebelum pembangunan (JPS, 2000). Peraturan tersebut juga banyak digunakan di luar negara seperti di Amerika Syarikat, Australia dan Jepun.

Contoh Penyediaan Muka Surat Tajuk  
(Title Page)

SIRI SYARAHAN UMUM

Syarahhan Umum Pelantikan Profesor

**IMPAK BIOTEKNOLOGI DALAM  
PENDINGNOSAN TIFORID  
Kini dan Masa Hadapan**

Hanya nama penulis tanpa  
sebarang gelaran (Tun, Dato',  
Profesor dan sebagainya).

**ASMA ISMAIL**

Profesor dalam bidang Mikrobiologi Perubatan  
dan Biologi Molekul

Nyatakan bidang kepakaran

\* Sila isi dan serahkan borang ini bersama-sama dengan salinan teks manuskrip lengkap dan salinan *softcopy* kepada Penolong Pendaftar, HEA.



PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

### SENARAI SEMAKAN PENYERAHAN TEKS SYARAHAN

Nama penulis: \_\_\_\_\_

Tajuk syarahan: \_\_\_\_\_

Tarikh syarahan: \_\_\_\_\_

Tempat syarahan: \_\_\_\_\_

Tarikh pelantikan profesor: \_\_\_\_\_

Pusat Pengajian: \_\_\_\_\_

Bidang kepakaran: \_\_\_\_\_

Bil. CD/Disket: \_\_\_\_\_

Tarikh hantar teks syarahan: \_\_\_\_\_

Bil. m/s (dlm jarak ganda dua): \_\_\_\_\_

Tel peji: \_\_\_\_\_

H/P: \_\_\_\_\_

E-mail: \_\_\_\_\_

#### BAHAN AWALAN

Gambar ukuran pasport:

Biodata:

Senarai rajah (sekiranya ada):

Senarai jadual (sekiranya ada):

Senarai singkatan (sekiranya ada):

#### BAHAN TEKS

Tajuk dalam teks telah disusun mengikut peringkat **PENOMBORAN** yang betul

**RAJAH**

**JADUAL**

**GAMBAR FOTO**

a. Susunan nombor

a. Susunan nombor

a. Susunan nombor

b. Kapsyen

b. Kapsyen

b. Kapsyen

c. Sumber lengkap

c. Sumber lengkap

c. Sumber lengkap

## BAHAN AKHIRAN

Lampiran (sekiranya ada):

Bibliografi/Rujukan:

Istilah (sekiranya ada):

Sinopsis:

---

Catatan:

---

Tandatangan